



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN SEBUT HARGA : (136) INFO/PK/K/7 (2025 - 2026)

**TAJUK SEBUT HARGA : KERJA PENYELENGGARAAN KENDERAAN
JABATAN PENERANGAN MITSUBISHI PAJERO GL 2.8 DIESEL - BG 4461.**

YURAN : BND 5.00

TARIKH TUTUP : KHAMIS, 04 DISEMBER 2025, JAM 8.00 PAGI

Syarat-syarat bagi mengikuti sebut harga adalah seperti berikut :

1. Syarikat-syarikat yang dipelawa adalah **syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.**
2. Syarikat **hendaklah menyertakan** dokumen-dokumen seperti berikut :
 - Lesen Rampaian
 - Lesen Perniagaan 16 & 17
 - EFT Keterangan Bank
3. Borang Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga yang disediakan di Bangunan Asal, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas** dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam.**

4. Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi dengan disertakan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditutup rapi dengan menyatakan Bilangan Sebut Harga tanpa menyatakan Tajuk Tawaran seperti berikut :

Bilangan Sebut Harga : (136) INFO/PK/K/7 (2025 - 2026)

5. Borang Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **tidak lewat pada Khamis, 04 Disember 2025. Jam 8.00 pagi.**

6. Borang yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan **tidak** akan dilayan.
7. Pembayaran yuran tawaran bolehlah dibuat di Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Aras 4, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan pada waktu kaunter beroperasi, iaitu Isnin hingga Khamis, jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi; dan 1.30 Petang hingga 2.30 Petang, kecuali Sabtu, jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi.
8. Salinan resit pembayaran hendaklah disertakan semasa menghadapkan Borang Sebut Harga.
9. Keterangan dan Borang Sebut Harga bolehlah didapati di alamat berikut :

**Kaunter Bahagian Sokongan dan Aset
Tingkat 1, Bangunan Asal
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam.**